

Keutamaan saya pembangunan

20 AUG 2000
TAHNAH Dr kerana dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.
Terima kasih.

Adakah Dr akan melakukan sebarang rombakan dalam Exco kerajaan negeri yang ada?

Saya no komen mengenai perkara ini. Saya akan berbincang dengan seluruh peringkat kepimpinan Umno sebelum membuat sebarang tindakan. Bagi saya yang penting ialah kesanggupan untuk bekerja sebagai satu pasukan. Pada hari ini saya berasa terharu dengan sokongan padu semua Ketua Bahagian.

Ini menambahkan lagi keyakinan saya untuk membawa negeri maju

MOHAMAD KHIR berjanji akan bekerja bersungguh-sungguh dengan seikhlas mungkin untuk memastikan wawasan Selangor 200

pada 2005 sebagaimana wawasan yang diwujudkan oleh Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Bagaimana dengan jawatan Timbalan Menteri Besar, adakah Dr masih memerlukannya.

Itupun saya no komen.

Bagaimanapun sokongan yang ditunjukkan oleh Ketua Bahagian Umno mengenai pelantikan Dr?

Saya begitu terharu dengan sokongan diberikan kepada saya. Sebagai orang muda, saya menganggap Ketua Bahagian adalah guru yang akan mendidik saya. Apa yang ingin saya katakan ialah komitmen saya tidak dapat diragui, bekerja dan berusaha bagi me-

mastikan Selangor dan umat Melayu terus maju dan bersatu.

Kerusi MB Selangor dianggap panas. Apa pendapat Dr?

Bagi saya kerusi ini adalah tanggungjawab besar dan saya akan melaksanakannya sebaik boleh. Panas ataupun sejuk bergantung kepada cara pembawaan diri dan saya yakin dengan pandangan yang akan diberikan Tan Sri dan seluruh ketua bahagian saya yakin mampu melakukan yang terbaik untuk Selangor.

Mengenai pelantikan jawatan MB yang diumumkan semalam, apa perasaan dan reaksi pertama Dr apabila diumumkan menduduki

kerusi MB Selangor?

Amat terkejut dan tidak sangka, apa lagi saya baru kali pertama jadi Adun. Bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana menaruh kepercayaan kepada saya. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan pucuk pimpinan yang memberi peluang kepada saya untuk memajukan negeri ini. Apa yang dapat saya janjikan ialah saya akan bekerja bersungguh-sungguh dengan seikhlas mungkin untuk memastikan wawasan Selangor 2005 tercapai.

Apabila kali pertama Dr mendapat tahu perkara ini?

Saya mendapat tahu mengenai pelantikan ini menerusi telefon petang

tadi (Jumaat). Berita itu mengejutkan saya kerana saya bersyukur kepada Allah kerana anugerah ini.

Apa pun, saya hanya tahu secara sah melalui berita TV jam 8 malam. Sebelum ini ada rakan yang menelefon tetapi mereka tidak memastikan sama ada ia khabar angin atau betul.

Apa yang menyebabkan Dr terharu?

Saya terharu kerana Perdana Menteri memilih calon muda sebab golongan muda semakin jauh dari kerajaan.

Adakah ini satu pengiktirafan kepada tokoh muda?

Sudah semestinya. Saya akan mem-

bawa mesej ini demi agama, negara dan bangsa. Saya akan berusaha membawa pembangunan seimbang fizikal dan insan dan meneruskan usaha menjadikan Selangor negeri maju menjelang 2005.

Apa yang saya tahu, PM *looking for the young person*. Sebab kita tengok hari ini, orang muda kian jauh daripada kerajaan, dan ini satu pengiktirafan kepada golongan muda dan saya cuba mengajak mereka (kembali kepada kerajaan).

Apa yang Dr harapkan kepada semua pihak dalam menerajui Selangor?

LIHAT MUKA 13

'Saya berjanji bekerja bersungguh-sungguh'

DARI MUKA 12

BH

20 AUG 2000

PROFIL

Nama: Dr Mohamad Khir Toyo

Lahir: 6 Ogos 1965

Asal: Sekinchan, Selangor.

Pendidikan: Sekolah Kebangsaan Berjaya Sekinchan (1973-79), Sekolah Menengah Datuk Harun, Tanjung Karang (1979 - 1986) dan Pusat Asasi Sains dan Fakulti Pergigian Universiti Malaya (1982 - 1984)

Kerjaya: Pegawai Pergigian (1989 - 1991), Usahakan Klinik pergigian (1991 - kini)

Politik: Ketua Umno Cawangan (1991 - 1993) AJK Pemuda Umno Bahagian

Tanjung Karang (1993 - 96)

Ketua Pemuda Umno Bahagian (1996 - 99)

Exco Pemuda Umno Malaysia (2000-2003)

Adun Sungai Panjang (1999 - kini)

Isteri: Zaharah Kechik, 35

Anak: Mohd Farizul Faiz, 9, Nurul Asyikin, setahun.

Saya mengharapkan kepada seluruh jentera kerajaan dan rakyat Selangor untuk bersama-sama saya, bekerja dan memastikan perpaduan dan keamanan terus tercapai.

Saya juga meneruskan pencapaian yang suoa dilaksanakan dan dirancang oleh pemimpin sebelum ini dan insya-Allah saya akan merancang beberapa perkara yang penting untuk diambil berat terutama dalam bidang pembangunan dan masalah sosial di kalangan remaja.

Bagi saya, tugas saya adalah satu pengiktirafan kepada pemuda seluruh negara. Ini menunjukkan kepemimpinan Dr Mahathir mengambil kira golongan pemuda diketengahkan memimpikan negara pada masa akan datang.

Saya percaya akan lebih ramai lagi Pemuda yang akan diberi tanggungjawab besar pada masa akan datang.

Pirdana Menteri akan berlepas ke luar negara pagi esok (Sabtu), jadi bila Dr akan menemui beliau?

Saya akan pergi ke lapangan terbang pagi esok (Sabtu) untuk menemui Dr Mahathir. Saya mahu mendengar amanat dan pesanan pertama beliau.

Boleh Dr terangkan pembaharuan doktor dalam arena politik?

Saya mula membabitkan diri dalam politik ketika dalam tingkatan lima lagi. Tetapi sewaktu di universiti, saya tidak boleh aktif dalam politik. Selepas dapat ijazah, saya kembali sebagai Ketua Cawangan Umno Sungai Burong Timur, kemudian 1995 sebagai AJK Pemuda Bahagian. Pada 1998, saya dilantik Exco Pemuda Malaysia.

Apakah Dr yakin dapat berganding bahu dengan Muhamad yang dilantik Ketua Perhubungan Umno Negeri Selangor?

Saya dilantik sebagai Timbalan

Ketua Perhubungan Umno Selangor dan ada bersama Muhammad. *'I think we can work very good. And I think it should be OK.'* Bagi saya, keputusan Presiden adalah keputusan yang bijak, dan beliau memilih keputusan itu mengikut pelbagai kriteria.

Dan bagi saya, kalau kita benar-benar berjuang untuk agama, bangsa dan negara masalah kita sama ada senior ataupun tidak itu patut kita ketepikan. Yang penting adalah memastikan negara terus maju.

Mungkin Muhammad yang banyak pengalaman boleh membantu Dr?

Itulah yang saya katakan. Sebab adanya Muhammad yang berpengalaman, saya berasa tidak ada masalah. Muhammad ada menelefon saya dan kita akan bekerjasama dalam hal ini dan *'I need support from'* seluruh rakyat Selangor, seluruh jentera kerajaan dan seluruh warga kerja untuk membantu

saya menjalankan tugas sebaik yang boleh.

Saya berjanji, saya akan bekerja bersungguh-sungguh. Bekerja dengan ikhlas dan jujur dan *'we're going to have one government yang very efficient'*

Bila doktor dijangka mengangkat sumpah bagi menjawat jawatan MB Selangor?

Saya difahamkan angkat sumpah akan dijalankan pada Khamis. Tadi Datuk SUK ada menelefon saya, kita akan adakan pada hari itu. Dan, saya akan berjumpa dengan Muhammad sekali dengan ketua Bahagian Umno dan Ketua Bahagian komponen BN yang lain.

Dan, saya akan dapatkan feedback daripada seluruh masyarakat kepemimpinan Selangor sebelum saya membincangkan program yang komprehensif untuk masa akan datang.

Apakah keutamaan yang akan

Dr bawa selepas menduduki kerusi MB?

'My priority of course concentrate on pembangunan insan. Selangor saya berasa dari segi infrastruktur, sudah membangun 90 peratus. Sabak Bernam yang agak tertinggal. Dan saya adalah wakil dari Sabak Bernam, saya berasa pelantikan saya akan menyebabkan pembangunan Sabak Bernam yang rancak dan setanding daerah lain.'

Apakah cabaran terbesar Dr?

Cabaran terbesar saya adalah untuk memastikan Selangor akan terus diiktiraf sebagai negeri termaju dan mencapai wawasannya pada 2005. Dan keduanya, masalah sosial golongan muda ini adalah satu cabaran yang besar. Dan saya mengambil berat untuk menyelesaikannya.

Sebagai orang baru, Dr mungkin ada cadangan untuk melawat semua tempat di Selangor?

Dari segi politik, saya mungkin bagi masa sekurang-kurangnya seminggu untuk bergerak dari bahagian ke bahagian. *'I think this is a very tough job'. Every bahagian for every week* Lebih mendekati diri kepada masyarakat Melayu terutamanya penduduk di kawasan pembangkang.

Dr tentu akan berusaha untuk memenangi hati semua pihak bagi kesejahteraan dan kesucian agama Islam?

Saya akan cuba memenangi hati rakyat, kerana bagi saya yang penting adalah kesejahteraan dan kesucian agama Islam terpelihara dan orang Melayu terus bersatu dan kita terus berpadu untuk memastikan negara ini terus dalam keadaan aman pada masa akan datang.

Bagi saya perjuangan hari ini bukan berakhir hari ini juga. Ia adalah untuk *next genera&&* Indonesia adalah contoh yang baik kepada kita untuk memastikan negara kita tidak jatuh seperti mereka.